

# HAIRGROW® SOLUTION

Minoxidil (2% w/v, 5% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hairgrow®
2. Bagaimana Hairgrow® berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hairgrow.
4. Cara menggunakan Hairgrow®.
5. Semasa menggunakan Hairgrow.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hairgrow®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hairgrow

Hairgrow digunakan secara topikal untuk rawatan corak kebotakan lelaki .

## Bagaimana Hairgrow berfungsi

Hairgrow (Minoxidil) : bila disapu, Hairgrow merangsang pertumbuhan rambut dan melambatkan kadar perkembangan botak dengan membantu aliran darah ke kulit kepala.

## Sebelum menggunakan Hairgrow

- Bila tidak boleh menggunakan Hairgrow

Hairgrow tidak disyorkan jika anda pernah mempunyai kesan alah pada minoxidil.

Keselamatan dan keberkesanan Hairgrow pada lelaki berumur kurang daripada 18 tahun dan lebih daripada 65 tahun belum dibuktikan.  
Risiko-faedah perlu dipertimbangkan jika pengguna Hairgrow ada masalah perubatan tersebut: Penyakit darah dan jantung, tekanan darah tinggi, kerengsaan lelas kulit termasuk psoriasis kulit kepala atau selaran matahari yang teruk.

- Sebelum mula menggunakan Hairgrow

Larutan topikal minoxidil akan menyebabkan mata rengsa dan pedih.  
Tidak ada maklumat tentang keselamatan bila larutan topical minoxidil diguna oleh wanita hamil atau semasa menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Interaksi larutan topikal Hairgrow dengan ubat-ubatan lain tidak diketahui buat masa kini..  
Walaupun klinikal tidak menunjukkan kemungkinan rasa pening bila tiba-tiba bangun jika menggunakan Hairgrow bersama guanethidine

## Cara menggunakan Hairgrow®

- Berapa banyak harus digunakan.

Dos sebanyak 1ml (bersamaan dengan 8 semburan) patut disapu pada atas kepala atau bahagian kulit kepala yang ada

masalah dua kali sehari. Jumlah dos sehari sepatutnya tidak melebihi 2 ml.

- Bila perlu digunakan

Dua kali sehari, sebaik-baiknya pada pagi dan malam.

- Berapa lama perlu digunakan

Hairgrow perlu digunakan secara berterusan selama empat bulan atau lebih sebelum bukti pertumbuhan semula rambut boleh dijangka.

Permulaan pertumbuhan atau tahap pertumbuhan rambut berbeza-beza dari individu ke individu.

Penggunaan Hairgrow sepatutnya berterusan untuk mengelakkan pertumbuhan semula rambut. Selepas pemberhentian ubat selama 3-4 bulan , keadaan mungkinbalik ke asalnya seperti sebelum rawatan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan Hairgrow dan sudah tiba masanya untuk menggunakan dos seterusnya, abaikan dos yang anda telah terlepas dan kembali ke jadual biasa anda. Jangan gunakan lebih daripada 1ml setiap penggunaan. Jangan gunakan lebih daripada dua kali sehari untuk menggantikan dos yang anda terlepas.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika termakan minoxidil, ia mungkin menghasilkan kesan

tindakan sistemik akibat kesan pelebaran pembuluh darah..

Tanda-tanda dan gejala-gejala terlebih dos kemungkinan besar kesan pada kardiovaskular seperti pembendungan cecair, tekanan darah rendah atau denyutan jantung cepat.

### **Semasa menggunakan Hairgrow®**

#### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Rambut dan kulit kepala patut kering sebelum menggunakan Hairgrow. Arahkan muncung semburan pam ke bahagian kulit kepala yang bermasalah. Tekan pum sekali dan searkan Hairgrow dengan hujung jari untuk meliputi semua bahagian. Ulangi langkah ini sebanyak 8 kali untuk mendapat dos 1ml larutan. Basuhkan tangan dengan teliti selepas guna Hairgrow. Untuk kegunaan luar sahaja.

#### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan gunakan pengering rambut untuk mempercepatkan pengeringan Hairgrow kerana ini akan mengurangkan keberkesanannya.

#### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jika Hairgrow terkena pada mata, membran mukus atau kulit melecat, bahagian itu perlu dibilas dengan air sejuk yang banyak.

### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa ialah reaksi kulit. Kerengsaan seperti kemerahan, kulit rasa panas

dan memerah, radang, kulit kering, ketumbuhan rambut berlebihan pada badan, rasa pedih pernah dilaporkan.

Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku ialah reaksi alahan, pening, sensasi kesemutan, sakit kepala, kelemahan, radang urat saraf, bengkak, kerengsaan mata, rasa ubah, jangkitan telinga dan gangguan penglihatan.

Kesan-kesan sampingan yang sangat jarang berlaku ialah, rambut gugur, rambut luar biasa, dada sakit, perubahan tekanan darah, radang hati dan batu karang pada buah pinggang.

Sila hubungi ahli farmasi atau doktor untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web:

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)  
(Public→Reporting  
Medicinal Problems/Side  
Effects/AEFI/Vaccine Safety)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Hairgrow®**

#### **- Penyimpanan**

Jauhi dari cahaya. Sila simpan di tempat dengan suhu bawah 30°C. Jangan bukukan. Jauhi daripada kanak-kanak.

#### **- Pelupusan**

Ubat tidak sepatutnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila tanya ahli farmasi cara pelupusan ubat yang betul jika ubat tidak diperlukan lagi. Ini akan memastikan alam sekitar tidak terjejas.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Hairgrow ialah larutan topikal jelas yang tidak berwarna hingga kekuningan dengan bau alkohol.

Hairgrow didapati dalam bekal pam semburan 50ml.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

#### **- Bahan Aktif**

**Hairgrow® 2%** larutan topikal: Setiap 1ml mengandungi 20mg minoxidil..

**Hairgrow® 5%** larutan topikal: Setiap 1ml mengandungi 50mg minoxidil.

- Bahan Tidak Aktif  
Purified water, propylene glycol dan ethanol

#### **- Nombor MAL**

**Hairgrow® 2% :**

MAL19971300AZ

**Hairgrow® 5% :**

MAL09051571AZ

### **Pengilang**

Dar Al Dawa Development & Investment Co. Ltd.  
P.O. Box 9364, Amman,  
11191 Jordan.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Wellmex Sdn. Bhd. (29940-T)  
PT11043. Jalan Tengas 1A,  
Taman Perindustrian Tengas,  
44300 Hulu Yam Bharu,  
Selangor.

Tel: 03-60753632  
Fax: 03-60753623

### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

16/8/2017

### **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)150817/00210